



450 pelajar IPT sertai Cabaran Berkayak Sungai Pahang 2012

Seramai 450 peserta yang mewakili 24 pasukan terdiri daripada pelajar Institut Pengajian Tinggi (IPT), Kolej Komuniti dan politeknik seluruh negara bakal beraksi bagi menyahut Cabaran Berkayak Sungai Pahang selama lima hari mulai 26 Jun 2012.

Majlis perasmian dan pelepasan telah disempurnakan oleh Timbalan Menteri Pengajian Tinggi Malaysia, Yang Berhormat Dato' Saifuddin Abdullah di Dataran Esplanad Temerloh.

Menurut Dato' Saifuddin Abdullah, pihak kementerian sentiasa menggalakkan pelajar IPT dalam bersukan dan berkukurikulum.

"Ianya telah dibuktikan apabila kini biasiswa dalam bidang sukan diberikan kepada mahasiswa cemerlang kokurikulum.

"Majlis Sukan Negara (MSN) menaja 50 mahasiswa setiap tahun yang cemerlang dalam sukan manakala Kementerian Pengajian Tinggi (KPT) menaja 150 dalam pelbagai kategori bidang teras di IPT seluruh negara.

Program yang julung kali diadakan ini anjuran Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia dengan kerjasama Pusat Sukan Universiti Malaysia Pahang (UMP).

Naib Canselor UMP, Profesor Dato' Dr. Daing Nasir Ibrahim berkata, program ini bertujuan untuk melahirkan mahasiswa yang mempunyai daya ketahanan yang tinggi dari segi mental dan fizikal seterusnya mempromosikan keindahan flora dan fauna di negeri Pahang

"Cabaran ini melibatkan 450 orang peserta, 150 orang krew dengan menggunakan

150 buah kayak yang akan melalui jarak sejauh 187 kilometer bermula dari Dataran Temerloh dan berakhir di Dataran Riverfront, Pekan.

"Peserta akan singgah di lima buah kampung di tepian Sungai Pahang yang melibatkan Kampung Kuala Triang Bera, Kampung Pesagi Maran, Kampung Mambang Pekan, Kampung Padang Rumbia dan berakhir di Pekan River Front.

"Dengan lima persinggahan tersebut, peserta dapat mengambil peluang untuk berinteraksi dengan masyarakat setempat di samping mengenali keunikan tradisi tempatan rakyat di Negeri Pahang.

"Secara tidak langsung, interaksi ini dapat memaknakan semangat Gagasan 1 Malaysia yang menekankan aspek penerimaan di kalangan warga Malaysia," katanya.

Teks ucapan beliau dibacakan oleh Penolong Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar & Alumni) Profesor Dr. Yuserrie Zainuddin. Antara IPT yang mengambil bahagian adalah Universiti Malaysia Terengganu (UMT), Universiti Malaysia Kelantan (UMK), Universiti Sultan Zainal Abidin (UniSZA), Kolej Politech Mara Bangi, Kolej Komuniti Hulu Langat, Kolej Islam Sultan Haji Ahmad Shah (KIPSAS) dan Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM), Kuantan.

Tambahnya lagi, sempena penganjuran cabaran ini juga UMP turut menampilkan sukarelawan yang terdiri daripada mahasiswa UMP yang turut menyempurnakan kewajipan sosial mereka terhadap masyarakat melalui pelaksanaan Projek Kilauan Mutiara untuk

tiga buah sekolah rendah di kawasan persinggahan.

"Antara sekolah yang terlibat ialah Sekolah Kebangsaan Kuala Triang, Sekolah Kebangsaan Pesegi dan Sekolah Kebangsaan Padang Rumbia," ujar beliau.

Sementara itu, Ketua Pusat Sukan UMP, Jasni Ladin yang juga Pengarah Program berkata, setiap pasukan terdiri daripada 10 orang peserta.

"Acara ini dilaksanakan secara berpasukan iaitu tiga kayak Double berserta enam orang pendayung yang terdiri dari empat lelaki dan dua perempuan.

"Pihak penganjur telah menyediakan hadiah keseluruhan bernilai hampir RM10,000 pada pertandingan tersebut.

"Juara pertandingan akan membawa pulang RM2,500, Naib Juara RM 1,500 dan pemenang ketiga RM1,000 manakala pemenang keempat hingga ke -10 juga turut menerima sejumlah wang tunai.

"Diharapkan Cabaran Berkayak Sungai Pahang 2012 akan berjalan lancar tanpa sebarang masalah dari aspek cuaca," katanya.

Selain itu juga, para peserta diawasi oleh Jabatan Perhilitan, Polis Marin, Jabatan Pertahanan Awam Malaysia (JPAM) serta beberapa agensi lain.

Turut Hadir Pegawai Daerah Temerloh, Yang Hormat Dato' Abdull Munaim Abdul Hamid, Yang di-Pertua Majlis Perbandaran Temerloh, Yang Hormat Dato' Haji Tarif Abdul Rahman dan Setiausaha Bahagian Sukan KPT, Dato' Saharuddin Haji Ismail.